



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 13 DISEMBER 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## Identifikasi digital atasi ketirisan subsidi

**PETALING JAYA:** Penggunaan identifikasi digital boleh mengawal ketirisan barang bersubsidi yang dimonopoli kumpulan tidak sewajarnya, menurut pakar ekonomi.

Pelajar Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI), Pusat Pengajian Ekonomi Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Dr. Shazida Jan Mohd. Khan berkata, penggunaan pengesahanan pengguna melalui digital,

pemantau penjualan dan pengedaran barang bersubsidi dapat dijalankan dengan lebih telus.

Menurutnya, identifikasi digital merujuk kepada penggunaan teknologi canggih untuk mengenal pasti dan mengeksahkan identiti individu secara elektronik, dalam masa sama dapat memastikan maklumat penerima tidak diciplak.

"Penggunaan teknologi ini lebih selamat dan menjaga privasi data maklumat pengguna.

"Selain itu, sistem teknologi ini meliputi pengenalan biométrik, aplikasi mudah alih yang mana identiti pengguna disahkan beserta maklumat yang dikenalpasti melalui kad pengenalan pintar.

"Dengan adanya sistem identifikasi digital, kerajaan dapat memastikan hanya individu yang benar-benar atau sasaran yang berhak menerima subsidi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, media melapor-

kan, sebanyak 3,064 aduan ketirisan barang bersubsidi diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) dari 1 Januari hingga 30 November 2024.

Menurut menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, daripada jumlah tersebut, minyak masak merupakan antara barang kawalan yang menerima aduan tertinggi iaitu sebanyak 1,862 aduan.

Dalam pada itu, tambah

Shazida Jan, melalui sistem pengesahan biometrik atau aplikasi yang disahkan, penerima boleh dikenali dengan tepat, sekali gus mengelakkan penyalahgunaan identiti.

Sementara itu, Pakar Ekonomi, Dr. Abu Sofian Yaacob berkata, pelaksanaan identifikasi digital juga dapat membantu kerajaan memantau aktiviti pengedaran dan penjualan barang bersubsidi secara langsung dan lebih berkesan.



SEORANG peniaga sayur melayan pelanggan yang sedang memilih sayur di Pasar Taman Ria, Sungai Petani kelmarin.

KERATAN Kosmo! semalam.

Harga sayur masih stabil, kenaikan tidak ketara – KPDN

## Cuaca jadi punca naik

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**PUTRAJAYA** – Harga sayuran dan makanan laut di kawasan Semenanjung dilaporkan masih stabil, namun faktor perubahan cuaca luar jangka memberi kesan kepada pengeluaran hingga menyebabkan kenaikan harga bahan mentah itu.

Bahagian Harga Barang Negara (BHBN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) berkata, dapatkan analisa perbandingan harga sayur-sayuran juga tidak menunjukkan peningkatan harga melebihi 50 hingga 80 peratus seperti didakwa.

Berdasarkan analisis perbandingan harga sayur-sayuran minggu pertama (M1) Disember dengan minggu keempat (M4)

November, ia menunjukkan 25 item atau 64.1 peratus telah mengalami peningkatan harga.

“Bagaimanapun, kebanyakan item yang mengalami peningkatan harga adalah tidak melebihi lima peratus.

“Antara item yang mengalami peningkatan harga ketara iaitu melebihi lima peratus ialah sawi (19.6 peratus), bayam merah (14.8 peratus), bayam hijau (14.5 peratus) dan kangkung (12.8 peratus),” katanya kepada Kosmo! semalam.

BHBN berkata demikian sebagai mengulas laporan Kosmo! yang melaporkan harga sayur-sayuran di tujuh negeri mengalami kenaikan ekoran bencana banjir sejak bulan lalu.

Antara sayur yang mengalami kenaikan harga adalah sawi panjang, kailan, lobak, timun, kang-

kung, daun sup dan tomato.

Terengganu merupakan negeri yang mengalami kenaikan ketara iaitu sekali ganda bagi barang basah tersebut.

Mengulas lanjut, BHBN menjelaskan, 13 item atau 33.3 peratus turut mengalami penurunan harga seperti terung panjang, cili api merah dan kunyit hidup.

“Susulan itu, KPDN menyeru kepada pengguna untuk memuat turun dan menggunakan aplikasi Price Catcher bagi membantu pengguna membuat perancangan dan perbandingan harga.

“KPDN akan terus komited memastikan seluruh warga Malaysia dilindungi dan tidak terbebas dengan peningkatan kos sara hidup dalam situasi mencabar dan tidak menentu ketika ini,” tegasnya.



HARI: JUMAAT

TARIKH: 13/12/2024

M/SURAT: 14



ARMIZAN MOHD ALI

## KPDN terima 3,064 aduan ketirisan barang bersubsidi

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup menerima 3,064 aduan berkaitan ketirisan barang bersubsidi seperti minyak diesel, gas memasak dan minyak masak sejak Januari hingga 30 November tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, penguasaan menangani isu ketirisan termasuk penyelewengan barang bersubsidi adalah di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan perundangan subsidiarinya serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA) 2001.

"Antara barang kawalan yang menerima aduan tertinggi dari bulan Januari hingga November 2024 adalah minyak masak sebanyak (1,862) dan gula sebanyak 282.

"Seterusnya, aduan berkaitan diesel sebanyak 246 dan gas memasak (LPG) melibatkan 173 aduan.

"Selain itu, kami juga menerima aduan berkaitan lain-lain barang kawalan seperti petrol, telur ayam, tepung gandum dan ayam," katanya di Dewan Negara, pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan daripada Senator Tuan Abun Sui Anyit berhubung jumlah aduan terhadap penyelewengan barang bersubsidi seperti minyak diesel, tong gas, minyak masak dan lain-lain serta jumlah tangkapan di Sarawak.

Sementara itu, Armizan berkata, Bahagian Penguat Kuasa dan Pejabat-Pejabat Negeri KPDN seluruh negara juga telah melaksanakan aktiviti penguasaan termasuk tindakan kes terhadap mana-mana pihak yang didapati melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan.

"Bermula Januari tahun 2024 sehingga 30 November sebanyak 16 tangkapan telah dilakukan oleh KPDN Sarawak dengan pecahan 10 tangkapan oleh KPDN Kuching dan enam tangkapan dilakukan oleh KPDN Miri.

"Jumlah tangkapan tersebut adalah sebahagian daripada sejumlah 127 kes aduan yang diterima di Sarawak sepanjang tempoh yang sama," katanya.

## KPDN 2024 Carnival Tour racks up sales over RM6 mln

**PUTRAJAYA:** The KPDN 2024 Carnival Tour Programme has achieved a sales value of more than RM6 million, including sales by entrepreneurs from the Buy Malaysia Goods Campaign (KBBM), Rahmah MADANI Sales, Rahmah Menu and 'food trucks'.

The programme also attracted almost 300,000 people to all zones, namely South (Melaka), North (Perlis), Central (Perak), East (Kelantan), Sabah and Sarawak, said the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

According to KPDN, the success of the carnival was also due to strategic cooperation from various departments and agencies, government-related companies,

non-governmental organisations (NGOs), the private sector and stakeholders, especially through the public response.

Therefore, it is hoped this initiative will strengthen domestic spending by encouraging consumers in this country to buy and use products, goods and services made in Malaysia, thereby promoting the country's economic growth to be more competitive," according to the statement issued here Thursday.

KPDN informed that the carnival is also in line with the ministry's desire to further stimulate domestic tourism and trade activities among the local

community.

Themed "Kita Pengguna, Daya Negara," the carnival is organised in line with the Ministry's goal of moving forward with the big agenda of responsive consumerism through a direct face-to-face approach to the people.

According to KPDN, the objective of organising the carnival is also to promote the products and services offered by KPDN and agencies to the people in increasing understanding of the ministry's functionality, thereby building trust and confidence between the government and the people.

In addition, the carnival is

a KPDN initiative that was first implemented this year by combining various activities and services of the ministry.

Among the programme contents are exhibitions from various divisions and agencies at KPDN as well as ministries and agencies guiding entrepreneurs, sales and exhibitions from local entrepreneurs for the KBBM segment, RAHMAH MADANI Sales, RAHMAH Menu segment and 'food truck'.

The Ministry of Tourism and Culture announced that the carnival concluded with the last event in the Southern Zone from December 6 to 8. — Bernama

## Jelajah Karnival KPDN 2024 catat jualan lebih RM6 juta

**PUTRAJAYA:** Program Jelajah Karnival KPDN 2024 berjaya mencapai nilai jualan melebihi RM6 juta merangkumi jualan usahawan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM), Jualan Rahmah MADANI, Menu Rahmah dan trak makanan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) dalam kenyataaan memaklumkan jumlah pengunjung pula menentaskan hampir 300,000 orang yang hadir di kesemua zon iaitu Selatan (Melaka), Utara (Perlis), Tengah (Perak), Timur (Kelantan), Sabah dan Sarawak.

Menurut KPDN, kejayaan penganjuran karnival itu

telah mendapat kerjasama strategik daripada pelbagai jabatan dan agensi, syarikat berkaitan Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta serta para pemegang taruh khususnya menerusi sambutan orang ramai.

"Justeru, inisiatif ini diharap mampu mengukuhkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan para pengguna di negara ini membeli dan menggunakan produk, barang dan perkhidmatan buatan Malaysia seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara agar lebih berdaya saing," menurut kenyataan di sini.

KPDN memaklumkan karnival itu juga sejarah dengan hasrat kementerian untuk menyemarakkan lagi aktiviti sektor pelancongan dan perdagangan domestik dalam kalangan masyarakat setempat.

Bertemakan 'Kita Pengguna, Daya Negara' penganjuran karnival itu selari dengan matlamat kementerian dalam mengerakkan agenda besar kepenggunaan yang responsif melalui pendekatan bersempua secara terus kepada rakyat.

Menurut KPDN, objektif penganjuran karnival itu juga adalah untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan yang

ditawarkan KPDN dan agensi kepada rakyat dalam meningkatkan kefahaman terhadap kefungsian kementerian seterusnya membina kepercayaan serta keyakinan antara kerajaan dengan rakyat.

Di samping itu, karnival itu merupakan inisiatif KPDN yang pertama kali dilaksanakan pada tahun ini dengan menggabungkan pelbagai aktiviti dan perkhidmatan kementerian.

Antara pengisian program meliputi pameran daripada pelbagai bahagian dan agensi di KPDN serta kementerian dan agensi pembimbing usahawan,

jualan dan pameran dari pada usahawan tempatan bagi segmen KBBM, Jualan RAHMAH MADANI, segmen Menu RAHMAH dan trak makanan.

KPDN memaklumkan penganjuran karnival itu melabuhkan tirainya merentasi penganjuran terakhir di zon Selatan pada 6 hingga 8 Disember lepas.

Karnival di zon Selatan telah mencatatkan sejarah tersendiri apabila Program Jualan Rahmah MADANI selama 40 jam tanpa henti mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records sebagai 'Longest Non-stop Government Community Sale'. — Bernama

## 內貿部嘉年華巡迴活動 銷售額破600萬

(布城12日讯) 2024年内贸部嘉年华巡回活动销售额已超过600万令吉，其中包括来自购买国货运动、昌明爱心销售、爱心餐单和餐车的销售。

国内贸易及生活费部发文告说，所有巡回地点，即南马（马六甲）、北马（玻璃市）、东海岸（吉兰丹）、沙巴和砂拉越吸引近30万人到访。

内贸部说，嘉年华的成功举办离不开各机构和局、官联公司、非政府组织、私人界和利益相关单位的战略合作，并受到公众的欢迎。

“因此，希望这项举措能够鼓励我国消费者购买和使用大马制造的产品、商品和服务，从而加强国内消费，并进一步促进我国经济增长，使其更具竞争力。”

文告指出，此次嘉年华也符合部门进一步推动当地社区旅游领域活动和国内贸易的目标。

本次嘉年华的主题是“我们是消费者，国家的力量”，放眼通过直接与人民面对面的方式，推动响应式消费的大议程。

### 南马站40小时不打烊创纪录

内贸部指出，此次嘉年华的最后一场活动是12月6至8日的南马站。

南马嘉年华也创下本身的纪录，也就是连续40小时不打烊的昌明爱心销售活动，并被列人大马纪录大全的“最长不间断的政府社区销售”。

(八打灵再也)

国内贸易及生活费部长拿督阿米占指出，任何符合资格的个人、小公司或组织可以申请特别准证，以便能够超额购买柴油。

他指出，特别准证是用于获得批准的用途上，不可以转卖。

“申请者必须提交相关机构的证明信件，通过内贸部官网的特别准证申请系统申请。”

他在上议院2025年供应法案部门总结时说，其中包括每日限购200公升的农业和畜牧业。

此外，为了确保津贴的袋装食用油在市面上有充足的供应，他说，该部以分区的机制分销。

他指出，这项措施在沙巴从8月1日开始落实，砂拉越则是11月1日、西马则是明年开始。

**可申請超額購補貼柴油  
阿米占：用在獲批准用途**

Kenaikan gaji penjawat awam

# PERGIAT PANTAU HARGA BARANG

KHAIRUL IDIN

**JABATAN** Wilayah Persekutuan (JWP) akan terus memantau dan mempergiatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan di pulau ini bagi memastikan tiada kenaikan harga barang susulan penyelarasan gaji sektor awam pada Disember ini.

Menurut Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, penguatkuasaan perlu dipergiatkan agar tiada peniaga sewenang-wenangnya menaikkan harga barang susulan penyelarasan gaji penjawat awam.

Katanya, pihaknya akan terus bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk melaksanakan pemantauan terhadap harga barang di pulau itu.

Langkah sedemikian adalah bertujuan bagi memastikan kestabilan harga barang susulan kebergantungan bekalan barang terhadap barang import serta dapat membantu golongan berpendapatan rendah (B40) di Labuan.

"Berdasarkan sudut itu, kita akan meneruskan usaha yang telah dilaksanakan seperti Program Jualan Rahmah yang dianjurkan oleh KPDN dan selain itu kita di JWP akan meneruskan program-program membantu rakyat iaitu MyGrocer @ Wilayah yang akan dipertingkatkan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan agar golongan B40 dapat dibantu," katanya kepada pemberita pada lawatan kerja ke Labuan.

Tambah beliau, pihaknya akan melaksanakan satu program



HARGA barang akan terus dipantau susulan penyelarasan gaji penjawat awam.

berdaya mampu bagi mengatasi dan mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan rantai makanan sekali gus dapat mewujudkan peluang ekonomi kepada komuniti di Labuan.

"Ini sedang dalam perancangan dan terdapat juga usaha yang sama telah kita laksanakan. Ia bertujuan untuk meningkatkan produktiviti tempatan seperti barang keperluan harian dan bekalan mentah, pada masa yang sama tidak hanya bergantung kepada bekalan makanan dari luar.

"Kita juga akan memberikan tumpuan kepada program-program komuniti untuk membantu komuniti di sini menghasilkan bekalan mentah seperti sayur-sayuran dan dapat dipasarkan di sekitar Labuan dengan kadar harga yang lebih rendah

berbanding bekalan daripada luar," katanya.

Sementara itu, Pengarah KPDN Labuan, Junaidah Arbain memaklumkan pihaknya sentiasa memberikan kerjasama erat dengan pelbagai agensi kerajaan bagi memastikan pemantauan kawalan harga barang di pulau ini dilaksanakan secara konsisten agar tiada berlakunya kenaikan harga barang khususnya barang harian dan keperluan.

Katanya, sejurus pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai penyelarasan gaji, KPDN telah melaksanakan tindakan awal bagi merekodkan data harga barang untuk memudahkan KPDN mengesan berlakunya perubahan harga. 



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 13 DISEMBER 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Dec	Jelajah Karnival KPDN 2024 catat jualan lebih RM6 juta	<a href="https://utusansarawak.com.my/jelajah-karnival-kpdn-2024-catat-jualan-lebih-rm6-juta/">https://utusansarawak.com.my/jelajah-karnival-kpdn-2024-catat-jualan-lebih-rm6-juta/</a>	UTUSAN SARAWAK
13-Dec	Program Jelajah Karnival KPDN 2024 Berjaya Capai Sasaran KPDN, Jana Lebih RM6 Juta Jualan	<a href="https://siakapkeli.my/2024/12/12/program-jelajah-karnival-kpdn-2024-berjaya-capai-sasaran-kpdn-jana-lebih-rm6-juta-jualan">https://siakapkeli.my/2024/12/12/program-jelajah-karnival-kpdn-2024-berjaya-capai-sasaran-kpdn-jana-lebih-rm6-juta-jualan</a>	SIAKAP KELI
13-Dec	Perlu permit khas untuk pembelian diesel lebih had - KPDN	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1165595/perlu-permit-khas-untuk-pembelian-diesel-lebih-had-kpdn">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1165595/perlu-permit-khas-untuk-pembelian-diesel-lebih-had-kpdn</a>	HARIAN METRO
13-Dec	Permit khas untuk pembelian diesel melebihi had	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/12/12/permit-khas-untuk-pembelian-diesel-melebihi-had/">https://malaysiagazette.com/2024/12/12/permit-khas-untuk-pembelian-diesel-melebihi-had/</a>	MALAYSIA GAZETTE